

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 2 MAC 2024
AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 2

Hanya satu syarikat bumiputera tersenarai

Daripada 97 syarikat baharu di Bursa Malaysia dalam tempoh tiga tahun lalu

Hanya satu syarikat bumiputera tersenarai

Oleh NUR NAZLINA NAZARU
utusannewsmediasatu.com.my

PUTRAJAYA: Hanya satu daripada 97 syarikat yang disenaraikan di Bursa Malaysia dalam tempoh tiga tahun kebelakangan ini mempunyai majoriti saham bumiputera.

Pengerusi Bursa Malaysia, Tan Sri Abdul Wahid Omar berkata, perkata tersebut amat membimbang dan mencemarkan penyertaan sebuah kaum bumiputera dalam sektor pembiagaan.

"Ini suatu 'wake-up call' (bagi kita), ini situasi sebenar

yang berlaku," katanya pada sesi pembentangan hasil libat urus pengurusan korporat dan penciptaan kekayaan pada Kongres Ekonomi Bumiputera 2024 (KEB 2024) di sini semalam.

Beliau berkata, kadar pemilikan ekuiti bagi saham tersenarai dan tidak tersenarai juga

masih rendah iaitu sekitar 18.4 peratus.

"Angka tersebut masih jauh untuk mencapai sasaran 30 peratus ekuiti bumiputera melalui Dasar Ekonomi Baru (DEB)," ujarnya.

Bersambung di muka 2

Hanya satu syarikat bumiputera tersenarai

Dari muka 1

Abdul Wahid berkata, punca utama kegagalan itu adalah gelongsong bumiputera sentiasa menempukan dasarnya pada sektor awam, bukan swasta.

"Perkata itu menyebabkan ekonomi bumiputera hanya mencapai 17.5 peratus berbanding sektor swasta 70.2 peratus dalam Keharuan Dalam Negara Kasar (KDNC)," jelasnya.

Selain itu, kerajaan disarankan untuk memperkenalkan Dasar Peluang Saksama bagi memberi peluang yang adil kepada rakyat Malaysia dalam menjalankan perniagaan mahupun dalam pelajaran.

Abdul Wahid berkata, pelaksanaan Dasar Memperkasaan Bumiputera perlu mengambil

pendekatan yang lebih universal.

Kalau ini, perkata tersebut boleh dilaksanakan dengan mereparakan kepelbagaian, ekuiti dan keterangkumatan (GEI) iaitu semua syarikat dikehendaki melaporkan kepelbagaian Lembaran Rengganis, pengurusan dan sekutu sejajar dengan kategori kaum jantina, etnik dan generasi.

"Dasar Peluang Saksama ini bermakna tidak ada diskriminasi dari segi peluang perniagaan dan pekerjaan. Ini kerana, ada yang merasakan mereka tidak diberi pusing walaupun untuk ditemui duga."

"Kalau ada bukti berlaku diskriminasi, mereka boleh adukan kepada badan-badan terentu bagi memastikan mereka tidak terlindas," katanya.

Beliau berkata, kerajaan juga

wajib meletakkan dasar itu di bawah kuasa undang-undang jika asahan penilaian secara sukarela tidak berkesan.

Abdul Wahid berkata, jika dilaksanakan, dasar tersebut dapat membantu meningkatkan jangkungan pendapatan isi rumah bumiputera yang masih rendah iaitu pada purata RM2,200 sebulan berbanding katim Cina pada RM4,000 sebulan.

"Sebelum ini, Dasar Memperkasaan Bumiputera banyak tertumpu pada sektor awam yang merangkumi sebahagian besar dari sektor ekonomi negara pada masi duha. Jadi, dasar ini perlu dilebarkan kepada sektor swasta bagi mengelak pencapaiannya akan termasuk rendah," kata bekas menteri di Jabatan Perdana Menteri itu.



ABDUL Wahid Omar (kanan) ketika pembentangan sesi libat urus bertajuk 'Penggunaan Korporat dan Penciptaan Kekayaan' pada Kongres Ekonomi Bumiputera (KEB) 2024 di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC), semalam. - UTUSAN/ FAIZ ALIF ZUBIR